

---

**KESALAHAN MENGGALAKKAN MAKSIAT: ANALISIS PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DAN CABARAN PADA MASA KINI**

***THE OFFENSE OF ENCOURAGING IMMORALITY: ANALYSING PROVISIONS OF SHARIAH CRIMINAL LAWS AND CHALLENGES TODAY***

<sup>i</sup>Nur Irsalina Mazlan, <sup>ii</sup>Hasnizam Hashim, <sup>i, ii</sup>Wan Abdul Fattah Wan Ismail, <sup>i, ii, iii, iv</sup>Ahmad Syukran Baharuddin, <sup>i</sup>Zulzaidi Mahmud.

<sup>i</sup>Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>ii</sup>Centre of Research for Fiqh Forensics and Judiciary (CFORSJ), Faculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>iii</sup>International Advisory Board Member, Mejellat Al-Afaq wa Al-Maarif (JSKP), Faculty of Humanities, Islamic Sciences and Civilization, University Amar Telidji of Laghouat, BP 37G, Road of Ghardaia, 03000 Laghouat, Algeria

<sup>iv</sup>Associate Editor, Journal of Contemporary Maqasid Studies, Maqasid Institute, United States of America (USA)

\*Corresponding Author: [hasnizam@usim.edu.my](mailto:hasnizam@usim.edu.my)

**ABSTRACT**

Islam prevents its followers from engaging in immoral activities (*maksiat*) or encouraging others to commit such acts. Although most Muslims are aware that committing sinful acts and encouraging others to do so is wrong, these behaviours continue due to the influence of human desires. As a result, laws have been introduced to control society from getting involved in such conduct. Nevertheless, there is a view that the existing laws are less effective in addressing the offense of encouraging immoral acts. Although almost all Sharia criminal laws in the states have provisions related to the offense of encouraging immoral acts, the enforcement of these laws is said to be rare. This phenomenon has led the author to investigate the reasons behind the lack of enforcement of the offense of encouraging immoral acts in Malaysia. Therefore, the objectives of this writing are threefold: first, to analyze the concept of preventing immoral acts from an Islamic perspective. Second, to investigate the existing legal provisions and the current challenges in implementing the offense of encouraging immoral acts. Third, to suggest improvements to the existing provisions and propose solutions to address the issue of encouraging immoral acts in the present day. A qualitative method is used in this writing, where data is collected through library research and document analysis, such as previous studies, journals, related articles, acts, and state Sharia criminal enactments. In this analysis, the author finds several issues with the existing provisions and challenges in their enforcement today. Therefore, the author suggests several improvements to the current provisions and offers solutions to the problem of encouraging immoral acts in the modern era.

**Keywords:** *Encouragement of immortal acts, Syariah Criminal Law*

## Abstrak

Islam mencegah penganutnya daripada terlibat dalam maksiat atau memberikan dorongan kepada orang lain untuk melakukan maksiat. Walaupun kebanyakan umat Islam menyedari bahawa melakukan maksiat dan memberikan dorongan kepada orang lain untuk melakukannya adalah dosa, tindakan tersebut masih kerap berlaku disebabkan oleh keinginan hawa nafsu. Oleh itu, undang-undang telah diperkenalkan untuk mengawal masyarakat daripada terlibat dalam perlakuan tersebut. Namun demikian, terdapat pandangan bahawa undang-undang yang sedia ada kurang berkesan dalam menangani kesalahan memberikan dorongan kepada maksiat. Walaupun hampir semua undang-undang jenayah syariah di negeri-negeri mempunyai peruntukan berkenaan dengan kesalahan memberikan dorongan kepada maksiat, namun pelaksanaannya dikatakan jarang berlaku. Oleh itu, fenomena ini mendorong penulis untuk menyelidiki penyebab kekurangan pelaksanaan kesalahan memberikan dorongan kepada maksiat di Malaysia. Oleh itu, objektif penulisan ini adalah untuk menganalisis konsep pencegahan maksiat dari perspektif Islam, menyelidiki masalah peruntukan yang sedia ada dan cabaran semasa dalam melaksanakan peruntukan kesalahan memberikan dorongan kepada maksiat serta mencadangkan penambahbaikan kepada peruntukan yang sedia ada dan memberikan penyelesaian kepada aktiviti memberikan dorongan kepada maksiat pada zaman ini. Penulis mengaplikasikan kaedah penulisan kualitatif dengan mengumpulkan data melalui kajian kepustakaan dan analisis terhadap dokumen kajian terdahulu, jurnal, artikel berkaitan, akta, dan enakmen jenayah syariah negeri-negeri. Melalui analisis ini, penulis mendapati beberapa masalah dalam peruntukan yang sedia ada dan cabaran dalam melaksanakannya pada masa kini. Oleh itu, penulis mencadangkan beberapa penambahbaikan kepada peruntukan yang sedia ada dan memberikan cadangan penyelesaian kepada aktiviti memberikan dorongan kepada maksiat pada masa kini.

**Kata Kunci:** *Galakan Maksiat, Undang-undang Jenayah Syariah*

## Pengenalan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-39 yang bersidang pada 21 Sep 1995 telah membincangkan Panduan Terhadap Perbuatan Maksiat Menurut Perspektif Islam. Muzakarah telah mengambil keputusan bahawa maksiat dari segi bahasa merujuk kepada perbuatan yang bermakna derhaka. Dari segi istilah, maksiat merujuk kepada perbuatan yang membawa dosa, iaitu perbuatan yang bertentangan dengan akidah, syariat, dan ajaran Islam. Ini melibatkan melakukan larangan Allah dan Rasul-Nya atau meninggalkan suruhan Allah dan Rasul-Nya. Dengan kata lain, maksiat melibatkan pelanggaran terhadap yang haram dan pengabaian terhadap yang wajib. Perbuatan tersebut memberikan kesan kepada kehidupan seseorang dalam aspek akidah, syariat, dan akhlak (Portal Rasmi JAKIM).

Punca perbuatan maksiat adalah kelemahan iman. Iman dapat diperkuat dengan menunaikan suruhan Allah, seperti sembahyang, bersedekah, dan ibadah lain. Jika tidak dilaksanakan dengan baik, iman akan menjadi lemah sekali gus akan mendorong kepada perbuatan maksiat seperti zina, mencuri, minum arak dan sebagainya. Di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan daripada Imam al-Bukhari melalui kitab Sahih Al-Bukhari bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda:

**Maksudnya:** *Orang yang berzina, ketika dia berzina, dia tidak beriman; (peminum arak) ketika dia minum arak tersebut, dia tidak beriman; pencuri, ketika dia mencuri, bukanlah seorang yang beriman; perompak, ketika dia merompak dengan orang ramai melihat, bukanlah seorang yang beriman.*

(Hadith Riwayat Bukhari)

Bentuk perbuatan maksiat sentiasa berubah seiring dengan peredaran zaman. Sebahagian tindakan maksiat seolah-olah diubah namanya dengan pelbagai cara, bertujuan untuk dipromosikan sebagai gaya hidup yang popular dan diterima oleh masyarakat. Segala perbuatan dosa dan maksiat sebenarnya telah dijelaskan dalam Islam, seperti yang terkandung dalam al-Quran dan al-Hadis. Contohnya bagi perbuatan maksiat ialah, berjudi, minum arak, tidak solat, berkhalwat, berzina dan banyak lagi.

Perbuatan maksiat membawa impak buruk dalam kehidupan, seperti dijauhkan daripada ilmu dan rezeki, merasakan kesunyian dan terasa jauh dari Allah, mengalami kesukaran hidup, merosakkan hati serta sukar melakukan ibadah, mencetuskan perbuatan maksiat yang lain serta mengalami kesulitan untuk menjauhi lingkungan atau kelompok manusia yang tidak baik, merosak akal, menganggap perbuatan maksiat sebagai perkara yang biasa dan sebagainya. Dosa atau maksiat yang dilakukan akan menyebabkan individu tersebut termasuk di kalangan orang-orang yang lalai.

Firman Allah dalam surah Al-Mutaffifin (83) ayat 14:

**Maksudnya:** *Sebenarnya! (Ayat-ayat Kami itu tidak ada cacatnya) bahkan mata hati mereka telah diselaputi kekotoran (dosa) dengan sebab (perbuatan kufur dan maksiat) yang mereka kerjakan.*

(Surah Al-Mutaffifin, 83:14)

Di dalam sebuah hadith daripada Imam Ahmad bin Hanbal yang meriwayatkan hadith dari Ummu Salamah, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: Jika timbul maksiat pada ummatku, maka Allah akan menyebarkan azab (seksa) kepada mereka. Aku berkata: “Wahai Rasulullah, apakah tidak ada pada waktu itu orang-orang soleh?” Baginda menjawab: “ada”. Aku bertanya lagi: “Apa yang akan Allah perbuat kepada mereka?” Jawab Baginda: “Allah akan menimpakan kepada mereka azab sebagaimana yang ditimpakan kepada orang-orang yang melakukan maksiat, kemudian mereka akan mendapat ampunan dan keredaan dari Tuhannya.

(Hadith Riwayat Imam Ahmad)

Berdasarkan hadis di atas, Rasulullah SAW juga menerangkan bahawa azab Allah SWT itu turun bukan hanya kepada pelaku dosa bahkan kepada orang lain juga termasuk orang alim sekiranya mereka tidak memainkan peranan untuk mencegah perbuatan mungkar atau dosa tersebut.

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Nahl (16) ayat 112:

**Maksudnya:** *Dan Allah telah membuat suatu perumpamaan dengan sebuah negeri yang dahulunya aman dan tenteram, rezekinya datang kepadanya melimpah ruah dari segala tempat akan tetapi penduduknya mengingkari akan nikmat Allah, kerana itu Allah merasakan kepada mereka dengan kelaparan dan ketakutan disebabkan apa yang mereka lakukan.*

(Surah Al-Nahl, 16:112)

Seperti yang kita ketahui, manusia sering kali mudah terjerumus dalam perbuatan maksiat. Oleh karena itu, undang-undang adalah sangat penting bagi mengawal dan mencegah manusia daripada terlibat dengan perbuatan maksiat yang melanggar perintah Allah SWT. Atas sebab ini jugalah terdapat peruntukan dalam undang-undang jenayah syariah yang berkaitan dengan pelanggaran terhadap hukum syarak. Beberapa negeri di Malaysia bahkan memasukkan peruntukan khusus untuk menghalang merebaknya perilaku maksiat. Namun, perlu diingat bahawa kerana undang-undang syariah di Malaysia berada di bawah kuasa negeri, terdapat variasi atau keadaan beberapa negeri mempunyai peruntukan khusus mengenai kesalahan tersebut, sementara yang lain mungkin tidak.

### **Konsep Pencegahan Maksiat Daripada Perspektif Undang-undang Jenayah Islam**

Pencegahan terhadap perbuatan maksiat sering kali dikaitkan dengan konsep *amar makruf nahi mungkar*. *Amar makruf* bermaksud mengajak manusia untuk melakukan perbuatan baik, sementara *nahi mungkar* merujuk kepada tindakan mencegah manusia dari melakukan perbuatan yang buruk. Dalam konteks ini, kedua perkataan tersebut, *amar makruf* dan *nahi mungkar*, sering digunakan secara bergandingan untuk merujuk kepada satu makna yang sama, iaitu mengajak manusia ke arah kebaikan dan mencegah kemungkaran. Gandingan kedua-dua perkataan ini disebutkan di dalam al-Quran

sebanyak lapan kali dengan penekanan diberikan terhadap tanggung jawab setiap individu muslim dalam melaksanakan *amar makruf dan nahi mungkar*.

Firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran (3) ayat 104:

**Maksudnya:** *Hendaklah terdapat antara kamu segolongan yang menyeru dengan kebaikan dan mencegah dari kemungkaran. Itulah golongan yang berjaya.*

(Surah Ali Imran, 3: 104)

Menurut al-Nawawi (1994), berdasarkan ayat al-Quran yang disebutkan, kewajipan melaksanakan *amar makruf dan nahi mungkar* dapat dianggap sebagai tanggung jawab sebahagian dari umat Islam sahaja. Dengan kata lain, pelaksanaan tugas *amar makruf dan nahi mungkar* ini dianggap sebagai *fardu kifayah* dan sudah memadai jika sebahagian komuniti Islam melaksanakannya. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu situasi ini boleh berubah menjadi *fardu 'ain* terutamanya ketika hanya seorang individu sahaja yang mengetahui kekeliruan yang terjadi dan hanya individu tersebut sahaja memiliki kemampuan untuk menanganinya (Alias Azhar & Muhammad Hafiz Badaruzaman, 2018).

Dalam satu hadis yang diriwayatkan Abu Sa'id al-Khudri, Rasulullah SAW menunjukkan bahawa melaksanakan *amar makruf dan nahi mungkar* harus dilakukan secara berperingkat iaitu dengan tindakan, seterusnya dengan perkataan dan peringkat seterusnya dengan '*ingkar*' atau membenci perbuatan tersebut di dalam hati (Nur Al-Farhain Kamaruzaman, 2021).

**Maksudnya:** *Siapa yang melihat kemungkaran hendaklah dia mengubahnya (taghyir) dengan tangan, jika dia tidak mampu hendaklah mengubahnya dengan lidah, jika dia tidak mampu hendaklah dia mengubahnya dengan hati, dan yang demikian itu adalah lemah-lemah iman.*

(Hadith Riwayat Sahih Muslim)

Dalam hadith lain, Rasulullah SAW menunjukkan kesungguhan dalam berurusan dengan kebenaran dan memperingatkan terhadap penipuan. Hal ini mencerminkan betapa pentingnya kejujuran dan kebenaran dalam pelaksanaan *amar makruf dan nahi mungkar*.

Firman Allah SWT dalam Surah Ali Imran (3) ayat 114:

**Maksudnya:** *Mereka beriman kepada Allah dan hari akhirat, mendorong kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, dan berlumba-lumba dalam melakukan kebaikan. Mereka benar-benar termasuk orang-orang yang soleh.*

(Surah Ali Imran, 3: 114)

Ayat al-Quran dalam Surah Ali Imran (3), ayat 114 dan hadis yang telah disebutkan menegaskan bahawa kewajipan *amar makruf dan nahi mungkar* perlu dilaksanakan oleh setiap individu Muslim. Al-Tabari menekankan bahawa umat Islam tidak boleh membiarkan kemungkaran terjadi untuk menghindari bencana dari Allah SWT. Pendapat al-Nawawi dan Ibn Taymiyyah menyimpulkan bahawa *amar makruf dan nahi mungkar* adalah merupakan kewajipan bagi setiap Muslim.

Imam al-Ghazali dalam Ihya 'Ulumuddin menekankan pentingnya etika dan adab dalam melaksanakan *amar makruf nahi mungkar* agar ajaran Islam dapat diterima oleh masyarakat. Al-Ghazali mengajarkan langkah-langkah seperti mengenal pelaku kemungkaran, memberikan pengajaran dan nasihat dengan lemah lembut, serta menggunakan kekerasan jika diperlukan. Imam Syahid Hasan Al-Banna menyatakan bahawa *amar makruf dan nahi mungkar* melibatkan mengajak manusia kepada agama Allah, mematuhi petunjuk-Nya, melakukan perintah-Nya, dan mentauhidkan Allah dalam ibadah. Hal

ini juga mencakup berlepas diri dari *taghut*, menegaskan kebenaran yang ditetapkan oleh Allah dan mencegah kemungkaran serta berjihad di jalan Allah.

### **Tanggungjawab Menangani Maksiat Daripada Perspektif *Maqasid al-Syariah al-Jina'iyah***

Ibnu 'Asyur berpendapat *Maqasid al-Shar'iah al-'Ammah* merujuk kepada pengertian dan hikmah-hikmah yang dipertimbangkan oleh syariah dalam keseluruhan atau sebahagian dari aspek pensyariatannya. *Maqasid al-Shari'ah* juga dapat diertikan sebagai matlamat atau rahsia-rahsia yang terkandung dalam undang-undang syariah. Dalam konteks hukuman jenayah seperti hudud, qisas, takzir, dan *Urush al-jinayat* (gantirugi/pampasan), *Maqasid Syariah* melibatkan tiga aspek utama, iaitu didikan (*ta'dib*), kepuasan mangsa, dan pencegahan. Ibnu 'Ashur menekankan pentingnya mengintegrasikan tujuan-tujuan ini dalam hukuman jenayah untuk mencapai keadilan dan menjaga kesejahteraan masyarakat.

*Maqasid* yang digunakan ialah *Hifz al-Din* (Memelihara Agama). *Maqasid* memelihara agama Islam ini dapat dilihat dari banyak sudut antaranya melaksanakan dan mengamalkan perintah dan ajaran Islam, jihad mempertahankan agama Islam, larangan murtad dan hukumannya dan memperkasa institusi-institusi yang mengukuhkan agama Islam. Daripada aspek pencegahan jenayah syariah pula, pemakaian *maqasid* ini boleh dilihat di bawah enakmen-enakmen negeri yang memperuntukkan kesalahan menggalakkan maksiat seperti Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 yang diperuntukkan di bawah seksyen 35:

*Mana-mana orang yang menganjurkan, mendorong atau menggalakkan orang lain untuk melakukan apa-apa maksiat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.*

*Maqasid* yang seterusnya ialah *al-Nafs* (jiwa). Pemeliharaan jiwa, diri, dan nyawa menurut *maqasid* dapat dilihat dari perspektif berikut. Pengharaman terhadap tindakan membunuh termasuk diri sendiri dan aktiviti yang berpotensi membawa kepada kematian, seperti lumba haram, merempit, atau terlibat dalam '*extreme sports*'. Selain itu, dilarang merosakkan badan atau anggota badan, baik melalui tindakan atau kelalaian, seperti tidak memberikan makan (*dharuri*) atau terlibat dalam mogok lapar. Prinsip-prinsip ini menekankan pentingnya menjaga keutuhan nyawa dan badan, selaras dengan tujuan *Maqasid* untuk melindungi kesejahteraan individu dalam masyarakat.

Dari segi penguatkuasaan jenayah syariah, penggunaan *maqasid* ini dapat dilihat melalui peruntukan Seksyen 10(3) Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997. Menurut seksyen tersebut, dalam melakukan penangkapan, Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA), pegawai polis, atau individu lain perlu secara sebenarnya menyentuh atau mengurung tubuh individu yang ditangkap, kecuali jika individu tersebut menyerah diri melalui kata-kata atau perbuatan. Jika individu tersebut menggunakan kekerasan untuk menentang penangkapan atau cuba mengelakkan penangkapan, pegawai atau individu yang melakukan penangkapan boleh menggunakan segala langkah yang perlu untuk melaksanakan penangkapan tersebut. Seksyen ini dengan jelas menyatakan bahawa tidak diberikan hak untuk menyebabkan kematian kepada mana-mana individu. Peruntukan ini mencerminkan prinsip-prinsip *maqasid*, menekankan keutuhan jiwa dan memberikan panduan mengenai penggunaan kekerasan semasa penguatkuasaan jenayah syariah, yang perlu dijalankan dengan penuh kebijaksanaan dan berlandaskan nilai-nilai kemanusiaan.

Terakhir, ialah *Al-ird* (memelihara kehormatan diri). Daripada perspektif pencegahan jenayah, *maqasid* ini menetapkan prinsip-prinsip penting. Seseorang tidak seharusnya dicemarkan nama baiknya sebelum dinyatakan bersalah, dengan menghormati prinsip bahawa seseorang itu tidak bersalah selagi tidak dibuktikan sebaliknya. Hak privasi individu yang melibatkan pelanggaran terhadap hak Allah harus dijaga tanpa dicabuli. Pada saat pengeledahan diri atau tubuh, kehormatan dan aurat individu harus dihormati. Semasa penangkapan, jika suspek menyerah diri, perlakuan yang hormat harus diberikan tanpa penghinaan terhadap kemuliaannya. Dalam konteks penangkapan atau penahanan, keperluan sebab yang kukuh perlu dipertimbangkan, dan tempoh tahanan asalnya tidak boleh melebihi 24 jam, melainkan jika terdapat kepentingan umum atau tahanan lebih lama memberikan manfaat dan mencegah

kerusakan. Demi menjaga kehormatan suspek, kafalah atau jaminan dapat diberikan. Prinsip maqasid al-syariah juga menekankan pembebasan tertuduh jika Mahkamah mendapati pertuduhan tidak berasas atau jika pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie*. Prinsip-prinsip ini, yang bersandarkan pada maqasid al-syariah, bertujuan untuk memastikan perlindungan hak individu, menjunjung tinggi keadilan, dan mencegah penyalahgunaan kuasa dalam pencegahan jenayah menurut ajaran Syariah.

Kaedah fiqh yang digunakan bagi mengekang kesalahan menggalakkan maksiah ialah *Sadd al-dhara'i*, yang bermaksud pencegahan terhadap jalan yang boleh membawa kepada kemudaratan. Al-Qurtubi menyatakan bahwa *sadd al-dhara'i* terjadi ketika suatu tindakan, pada asalnya, tidak dilarang, tetapi jika melibatkan unsur-unsur yang berpotensi menyebabkan mafsadah, maka tindakan tersebut menjadi dilarang. Al-Syatibi berpendapat bahwa *sadd al-dhara'i* melibatkan penggunaan jalan masalah (kebaikan) sebagai cara untuk mencegah mafsadah (kerusakan). Muhammad Hisyam al-Burhani menekankan bahwa *sadd al-dhara'i* melibatkan tindakan yang pada asalnya tidak dilarang, namun menjadi dilarang jika terdapat tohmah (unsur-unsur yang berpotensi menyebabkan kerusakan dan keburukan). Sementara itu, al-Qarrafi menyatakan bahwa *sadd al-dhara'i* adalah langkah pencegahan yang wajib dilakukan terhadap al-dhara' yang berpotensi menyebabkan kerusakan. Namun, situasinya dapat berubah jika al-dhara' mendorong ke arah kebaikan, dan tindakan tersebut dinamakan *fath al-Dhara'i* yang wajib diberi peluang. Definisi-definisi ini menunjukkan keterkaitan erat konsep *sadd al-dhara'i* dengan pemahaman tentang kebaikan (masalah) dan kerusakan (mafsadah), serta menekankan perlunya menjaga keseimbangan antara kebebasan individu dan perlindungan terhadap kesejahteraan masyarakat.

Oleh yang demikian, tindakan atau perbuatan menggalakkan maksiah dapat difahami sebagai perbuatan yang mendekati atau mendorong kepada perbuatan maksiah. Sebagai contoh, aktiviti mempromosikan maksiah melibatkan percampuran lelaki dan wanita tanpa sebarang batasan, serta melibatkan pendedahan aurat atau pemakaian pakaian yang mencolok mata boleh mendorong kepada perbuatan persetubuhan luar nikah dan ia sepatutnya dicegah. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan terhadap peruntukan ini sukar dilaksanakan kerana pentafsiran yang kurang jelas mengenai klausa "menggalakkan maksiah" dalam undang-undang. Istilah "*maksiah*" yang luas merujuk kepada dosa atau pelanggaran agama. Nasihat dan inspirasi tidak mencukupi, perlu ada pengaturan undang-undang yang jelas untuk mengkategorikan dosa sebagai kesalahan dan memberikan definisi yang tepat dan jelas. (Zubaidah 2018).

### **Bidang Kuasa Perundangan Mengenai Kesalahan Jenayah Menggalakkan Maksiah di Malaysia**

Bidang kuasa peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia berada di bawah pentadbiran negeri-negeri berdasarkan Jadual Kesembilan, Senarai II Perlembagaan Persekutuan. Had hukuman bagi kesalahan jenayah syariah yang sedia ada adalah terhad kepada takzir dengan maksimum hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun, denda tidak melebihi RM 5000.00, dan sebatan tidak melebihi enam kali. (Hasnizam Hashim 2014).

Peranan pihak pendakwaan tertakluk dalam Seksyen 43 Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 yang memperuntukkan Duli Yang Maha Mulia Sultan, atas nasihat Majlis, boleh melantik seorang yang layak menjadi Hakim Mahkamah Tinggi Syariah untuk menjadi Ketua Pendakwa Syarie. Ketua Pendakwa Syarie ini mempunyai kuasa menurut budi bicaranya untuk memulakan, menjalankan atau memberhentikan apa-apa prosiding bagi sesuatu kesalahan di hadapan Mahkamah Syariah. Majlis juga boleh melantik orang-orang yang layak daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri atau perkhidmatan bersama menjadi Pendakwa-Pendakwa Syarie. Pendakwa-Pendakwa Syarie hendaklah bertindak di bawah kawalan am dan arahan Ketua Pendakwa Syarie dan boleh menjalankan semua atau mana-mana hak dan kuasa yang diberikan kepada atau yang boleh dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie, kecuali hak dan kuasa yang dinyatakan hendaklah dijalankan oleh Ketua Pendakwa Syarie sendiri.

Seterusnya, Seksyen 57 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang jelas memperuntukkan jika maklumat yang diterima oleh orang awam bagi kesalahan boleh tangkap seperti

penghinaan agama Islam di media sosial, PPA perlulah segera membuat satu laporan dan perlu dihantar kepada Ketua Pendakwa Syarie. PPA kemudiannya boleh pergi sendiri atau mempertanggungjawabkan seorang daripada pegawai bawahannya pergi ke tempat kesalahan itu dilakukan untuk menyiasat fakta-fakta dan hal keadaan kes itu dan untuk mengambil apa-apa langkah yang perlu bagi penemuan pesalah itu. Walaupun begitu, terdapat syarat yang perlu dipatuhi di bawah seksyen ini iaitu, apabila maklumat tentang pelakuan kesalahan sedemikian diberikan terhadap orang awam yang disebut namanya dan jenis kes itu tidak berat, Pegawai Penguatkuasa Agama yang menerima maklumat itu tidak perlu pergi sendiri atau mempertanggungjawabkan seorang pegawai bawahannya untuk membuat siasatan di tempat kesalahan itu dilakukan dan keduanya ialah jika didapati oleh Pegawai Penguatkuasa Agama yang menerima maklumat itu tiada alasan yang mencukupi untuk bertindak atau bertindak selanjutnya dalam perkara itu, maka dia tidaklah boleh berbuat demikian. Selepas siasatan dilakukan oleh PPA apabila didapati wujudnya kes menggalakkan maksiat, PPA akan menyerahkan fail kes kepada pihak pendakwaan untuk tindakan selanjutnya.

### **Analisis Peruntukan Undang-Undang Mengenai Jenayah Menggalakkan Maksiat Di Malaysia**

Yusuf al-Qardhawi (2012) sangat menekankan kepentingan undang-undang dalam membentuk masyarakat atas dasar bahawa pensyariatian atau perundangan adalah nilai kekuatan utama bagi sebuah masyarakat untuk mengatur hubungan dan menjatuhkan hukuman kepada mereka yang melanggar norma-norma, baik yang bersumber dari wahyu atau yang dihasilkan oleh masyarakat. Ini karena hati nurani dan dorongan jiwa dianggap tidak mencukupi untuk menjaga keselamatan serta struktur masyarakat dari segi material dan moral, serta menegakkan keadilan di kalangan manusia.

Penelitian terhadap enakmen kesalahan jenayah syariah di negeri-negeri Malaysia menunjukkan bahawa sebahagian besar negeri memiliki peruntukan yang berkaitan dengan mencegah maksiat dan menjadikannya sebagai suatu kesalahan. Sebagai contoh, seksyen 35 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 menetapkan:

*Mana-mana orang yang menganjurkan, mendorong atau menggalakkan orang lain untuk melakukan apa-apa maksiat adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.*

Walau bagaimanapun, istilah "*maksiat*" tidak dijelaskan secara tegas dan jelas dalam enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri sehingga tidak ada definisi khusus yang merujuk pada jenis perbuatan atau perlakuan tertentu. Implikasinya, tanpa definisi yang spesifik, istilah ini menjadi terlalu umum dan dapat mencakupi berbagai perilaku yang dianggap sebagai maksiat dalam konteks Islam.

Dengan melakukan analisis terhadap peruntukan-peruntukan tersebut, terdapat sedikit perbezaan dalam hukuman kesalahan yang terdapat di beberapa negeri, sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual berikut:

<b>NEGERI</b>	<b>PERUNTUKAN</b>
Kelantan Seksyen 23	Denda tidak melebihi RM500 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 4 bulan atau kedua-duanya.
Johor Seksyen 35	Denda tidak melebihi RM5000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya.
Pulau Pinang Seksyen 35	

Kedah Seksyen 31	
Terengganu Seksyen 42	
Sabah Seksyen 89	
Perak Seksyen 29	
Sarawak Seksyen 32	
Wilayah Persekutuan Seksyen 35	
Pahang Seksyen 42	Denda tidak melebihi RM5000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun penjara atau disebat tidak melebihi 6 kali kali atau - dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.
Perlis Seksyen 22	Denda tidak melebihi RM1000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya

Analisis di atas menunjukkan bahawa Negeri Kelantan dan Perlis memberikan hukuman paling minimum, sementara negeri-negeri lain memiliki hukuman maksimum yang lebih tinggi, dengan beberapa negeri memberikan pilihan hukuman tambahan seperti sebat atau kombinasi hukuman. Walaupun Negeri Kelantan dan Perlis memberikan hukuman yang lebih rendah namun masih memperlihatkan negeri-negeri tersebut masih menekankan konsep *amar makruf* dan *nahi mungkar*.

### **Hukuman Bagi Kesalahan Jenayah Syariah Menggalakkan Maksiah**

Elemen utama kesalahan bagi kesalahan ini adalah apabila terdapat satu galakan atau dorongan mana-mana orang untuk melakukan apa-apa maksiah. Walaupun begitu, peruntukan ini amatlah subjektif untuk ditentukan situasi dan konteksnya.

Di Wilayah Persekutuan, seksyen 35 Akta Kesalahan Jenayah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 memperuntukkan hukuman bagi kesalahan ini ialah denda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. Peruntukan ini juga terdapat di beberapa buah negeri lain iaitu di Pulau Pinang, Perlis, Johor, Perak, Terengganu dan Sarawak.

Di Kedah, seksyen 23 Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kedah) 1988 memperuntukkan hukuman bagi kesalahan ini ialah dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM500 atau penjara selama tempoh tidak melebihi empat bulan atau kedua-duanya. Peruntukan yang sama juga terdapat di Negeri Kelantan.

### **Proses Penguatkuasaan Undang-Undang Jenayah Menggalakkan Maksiah di Malaysia**

Dalam pentadbiran undang-undang jenayah syariah, bidang kuasa setiap negeri bertanggungjawab di bawah Jabatan Agama Islam dan Jabatan Kehakiman Syariah. Pelaksanaan undang-undang ini melibatkan agensi utama seperti Bahagian Penguatkuasaan, yang diketuai oleh Ketua Penguatkuasa Agama yang bertanggungjawab dalam melaksanakan penguatkuasaan enakmen jenayah syariah negeri.



Terdapat beberapa isu yang perlu diatasi dalam penguatkuasaan undang-undang ini. Beberapa negeri seperti Johor, Terengganu, Sabah, dan Kedah menghadapi cabaran dalam definisi "*menggalakkan maksiat*" yang tidak jelas dan boleh diinterpretasikan secara berbeza. Di Johor, masih terdapat perbincangan untuk menentukan perbuatan apakah yang dianggap sebagai "*menggalakkan maksiat*". Kesalahan menggalakkan maksiat juga jarang dilakukan dan dalam beberapa kes, peruntukan tersebut mungkin terlalu umum sekaligus menyebabkan kesukaran dalam penguatkuasaan. Contohnya, di Sabah, ketiadaan penguatkuasaan dikaitkan dengan pelbagai masalah, termasuk tafsiran yang umum dan konflik dengan pihak berkuasa lain.

Penguatkuasaan undang-undang ini juga bergantung kepada sejauh mana undang-undang tersebut dapat diterima oleh masyarakat dan sejauh mana ia dapat dijalankan tanpa menimbulkan konflik atau isu-isu lain. Fokus utama penguatkuasaan adalah pada kesalahan-kesalahan lazim seperti khalwat dan persetubuhan haram.

### **Permasalahan Peruntukan Sedia Ada dan Cabaran Masa Kini dalam Menguatkuasakan Peruntukan Kesalahan Menggalakkan Maksiat**

Yusuf al-Qardhawi (2012) menekankan pentingnya undang-undang dalam membentuk masyarakat sebagai nilai kekuatan utama. Pensyarian atau perundangan menjadi landasan untuk menguruskan perhubungan dan menghukum pelanggar, menjaga keselamatan dan struktur masyarakat dari segi material dan moral, serta menegakkan keadilan di antara manusia (Azizah Mat Rashid et al., 2018).

Undang-undang memainkan peranan penting dalam membentuk masyarakat, memberikan nilai kekuatan utama bagi menguruskan perhubungan dan menghukum mereka yang melanggar prinsip undang-undang. Walau bagaimanapun, selepas meneliti enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri di Malaysia, beberapa isu yang signifikan dapat dikenal pasti seperti berikut:

(i) Kebanyakan negeri masih tidak untuk memperuntukkan undang-undang yang khusus berkaitan kesalahan menggalakkan maksiat. Keadaan ini memberi ruang kepada aktiviti yang mungkin merosakkan moral tanpa hukuman yang spesifik.

(ii) Terdapat permasalahan dengan peruntukan yang tidak memberikan definisi yang jelas terhadap istilah "*maksiat*," yang boleh mengakibatkan tafsiran yang berbeza-beza. Oleh itu, penentuan yang lebih tepat dan spesifik mengenai apa yang dianggap sebagai "*maksiat*" mungkin diperlukan untuk mempermudah penguatkuasaan undang-undang.

(iii) Terdapat perbezaan hukuman dari segi hukuman antara negeri-negeri seperti Pahang, Perlis, dan Kelantan yang akan memberikan implikasi negatif. Perbincangan menyeluruh perlu diadakan untuk menyelaraskan hukuman.

(iv) Had hukuman yang ditetapkan oleh mahkamah syariah masih terbatas meskipun ada beberapa negeri yang menetapkan hukuman maksimum. Kajian lanjut dan penambahbaikan undang-undang diperlukan untuk meningkatkan mengetahui sejauh mana keberkesanan hukuman sedia ada.

(v) Beberapa buah negeri masih menetapkan hukuman yang ringan untuk kesalahan menggalakkan maksiat. Peningkatan hukuman mungkin perlu dipertimbangkan untuk mengatasi masalah ini.

(vi) Tiada peruntukan khusus untuk kesalahan menggalakkan maksiat yang dilakukan secara dalam dalam talian. Penambahbaikan terhadap peruntukan undang-undang boleh membantu mengatasi cabaran ini dan memastikan undang-undang syariah dapat dikuatkuasakan dengan lebih efektif dalam melindungi masyarakat dari kesalahan menggalakkan maksiat.

Berdasarkan pandangan Siti Zubaidah (2014) dan Daud Muhammad (2015) tentang keperluan melibatkan sistem secara menyeluruh dalam pelaksanaan undang-undang, terutamanya berkaitan

dengan aktiviti yang menggalakkan maksiat, usaha penambahbaikan terhadap peruntukan sedia ada adalah sangat penting.

### **Cadangan Penambahbaikan Terhadap Peruntukan Sedia Ada dan Penyelesaian Kepada Aktiviti Menggalakkan Maksiat Pada Masa Kini**

Setelah menganalisis isu-isu yang timbul dalam peruntukan sedia ada, beberapa cadangan dapat diutarakan seperti berikut:

(i) Peruntukan menggalakkan maksiat perlu diperjelas dengan definisi yang lebih tepat, khususnya berkaitan dengan maksud maksiat. Tafsiran yang jelas perlu dimasukkan ke dalam peruntukan untuk memberikan pemahaman yang lebih baik kepada pengamal undang-undang dan pihak-pihak yang terlibat.

(ii) Bentuk hukuman terhadap kesalahan menggalakkan maksiat diselaraskan di seluruh negeri. Ini bertujuan untuk menunjukkan keseriusan semua negeri dalam menguatkuasakan peruntukan ini.

(iii) Penambahbaikan atau pindaan bentuk hukuman dalam Akta Bidang kuasa Jenayah Mahkamah Syariah 1984 (Akta 355) bagi membolehkan negeri-negeri memberikan hukuman yang lebih berat terhadap kesalahan menggalakkan maksiat.

### **KESIMPULAN**

Ajaran Islam menekankan pentingnya pencegahan maksiat, kerana jika dibiarkan, perbuatan maksiat akan meluas dan sukar dikawal. Tanggungjawab untuk mencegah perbuatan maksiat bukan hanya terletak kepada pemimpin sahaja bahkan masyarakat juga memainkan peranan yang signifikan dalam mengekang penyebarannya. Pencegahan tidak seharusnya hanya dilakukan setelah maksiat terjadi; sebaliknya apa yang lebih penting perbuatan atau tindakan yang mendorong individu melakukan maksiat juga perlu dicegah dari awal. Pendekatan proaktif ini akan dapat mencegah perbuatan maksiat daripada berlaku dan sebelum ianya berkembang menjadi isu yang lebih serius. Walau bagaimanapun, peruntukan sedia ada bagi kesalahan menggalakkan maksiat di setiap negeri masih dilihat kabur dan memerlukan penambahbaikan. 'Kekaburan' yang masih wujud dalam mentafsirkan peruntukan ini adalah merupakan perkara utama yang perlu dicari segera penyelesaiannya oleh pihak yang terlibat. Pentafsiran yang jelas dalam peruntukan ini adalah penting untuk memastikan peruntukan ini dapat dilaksanakan sepenuhnya secara terpadu sekali gus dapat menjadikan undang-undang jenayah sedia ada di dalam akta dan enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri adalah relevan dengan keadaan pada masa kini.

### **Rujukan**

- Alias Azhar, A. A., & Muhammad Hafiz Badarulzaman. (2018). Pendekatan amar makruf dan nahi mungkar dalam kerangka hisbah: Amalan penguat kuasa jenayah syariah di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(9), 57-68.
- Alias Azhar, A. A. (2018). Integrasi hisbah dan dakwah dalam prosedur penguatkuasaan undang-undang kesalahan maksiat dan jenayah khalwat di Malaysia. *Jurnal Hukum dan Pemikiran*, 18(1), 119-138.
- Al-Nawawi, Y. b. S. (1994). *Sharh Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Khayr.
- Al-Quran.
- Al-Qardhawi, Y. (2012). *Ciri-ciri unggul masyarakat Islam yang kita idamkan* (Terj. Mohamaz Zaini Yahaya). Penerbitan Seribu Dinars.
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997
- Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965
- Azizah Mat Rashid. Nor 'Adha Abd Hamid. Ahmad Azam Mohd Shariff. Adibah Bahori. & Masnooraini Mohiddin. (2021). Aplikasi kaedah *sadd al-dhara'i* dalam mengekang

- persetujuan luar nikah: Analisis terhadap peruntukan undang-undang jenayah syariah di Malaysia dan Brunei. *Islāmiyyāt*. 43(Isu Khas). 29-42.
- Azizah Mat Rashid, Nor 'Adha Abd Hamid, & Norita Kamaruddin. (2018). Analisis peruntukan kesalahan galakan maksiat dalam perundangan jenayah syariah di Malaysia. *Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference*. Kuala Lumpur. 90-103.
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Negeri Kelantan) 1985
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1995
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Johor) 1997
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pahang) 2013
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001
- Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991
- Enakmen Jenayah Dalam Syarak (Negeri Perlis) 1991
- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Perak) 1992
- Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995
- Enakmen Jenayah Syariah Negeri Sembilan 1992
- Ibn Taymiyyah, A. b. 'A. (1976). *Al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). (2015, Disember 2). *Garis panduan mengenai maksiat dari perspektif Islam*. <https://www.islam.gov.my/ms/garis-panduan/472-garis-panduan-mengenaimeksiat-dari-perspektif-islam>.
- Jamal, J., & Hashim, H. (2014). Transformasi Mahkamah Syariah di Malaysia: Keperluan Kajian Semula Terhadap Bentuk Hukuman Bagi Kes-Kes Jenayah Syariah: [Transformation of the Syariah Court in Malaysia: Reassessing Sentences in Syariah Criminal Offences]. *Ulum Islamiyyah*, 12, 87–103. <https://uijournal.usim.edu.my/index.php/uij/article/view/215>.
- Muhammad Shaberi, Nur Dayana Mohd Khalil, Dayana Puteri Nazirah Izhar, Azizah Mat Rashid, & Ahmad Misbah Mohd Hilmi. (2023). Kesalahan menggalakkan maksiat: Analisis peruntukan undang-undang jenayah syariah dan cabaran pada masa kini. *Jurnal Muwafaqat*. 87-103.
- Mohd Ajib Ismail. (2020, Julai 24). Natijah hilang rasa malu. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/addin/2020/07/603284/natijah-hilang-rasa-malu>.
- Mohd Razin Rosely. (n.d.). Kemungkaran dan kemaksiatan mengundang azab Allah SWT. *Pusat Islam Universiti Sains Malaysia*. <http://pusatislam.usm.my/index.php/aktiviti/artikel/236-kemungkaran-dankemaksiatan-mengundang-azab-allah-swt>.
- Nur Al-Farhain Kamaruzaman, & Kamaruzaman Yusof. (2021). Konsep dan aplikasi hisbah berkaitan penguatkuasaan undang-undang moral Islam di Malaysia. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. 146-157.
- Siti Zubaidah Ismail. (2014). Hudud dan undang-undang jenayah syariah dalam kerangka perlembagaan dan sistem perundangan "dualisme": Komitmen pelaksanaan ke arah membendung jenayah di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 22(2).193-212.
- Zulfakar bin Ramlee. (2019). Prinsip maqasid syariah dalam pencegahan dan penguatkuasaan jenayah syariah. *Program Cakna*, Melaka.